

13 MAY 2003

Mahathir-Koleksi (Bergambar)

BUKU KOLEKSI MINDA PM DILANCAR HARI INI

PUTRAJAYA, 13 Mei (Bernama) -- Koleksi buku bertajuk "Koleksi Minda Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad" yang mengandungi ucapan Perdana Menteri dan cetusan pemikiran beliau yang disifatkan sesetengah intelek sebagai "Mahathirisme", dilancarkan hari ini.

Gabungan cetusan pemikiran Dr Mahathir itu adalah warisan beliau kepada rakyat negara ini yang patut dijadikan jatidiri bagi menahan gelombang kolonialisme kedua dan juga pengubat rindu setelah persaraannya pada Oktober depan.

Koleksi kumpulan ucapan Dr Mahathir antara tahun 1993 hingga 1999 itu merangkumi tema kontemporari seperti globalisasi, serantau, pengurusan ekonomi, politik, ekonomi digital, demokrasi dan Asia baru serta dimensi Islam yang disampaikan di 113 lokasi di dalam dan luar negara.

Majlis pelancaran koleksi 14 buah buku itu disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail. Seri Paduka diiringi Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut hadir pada majlis pelancaran berkenaan.

Usaha menterjemahkan ucapan berkenaan ke dalam bahasa Melayu dari ucapan asal dalam bahasa Inggeris dibuat oleh pasukan penterjemah Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Ia dibukukan mengikut topik yang disentuh Perdana Menteri dalam ucapannya seperti politik, ekonomi dan juga agama.

ITNM juga akan menterjemah buku berkenaan ke dalam bahasa Perancis, Jerman, Jepun dan Mandarin selewat-lewatnya awal tahun depan.

Koleksi berkenaan yang dijual pada harga RM379 untuk satu set boleh ditempah di ITNM dan UiTM.

Hasil jualan buku itu akan disumbangkan kepada Tabung Terjemahan Negara.

-- BERNAMA
SHI SSA MOZ